KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## RABU, 14 JUN 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

14/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **BAYI LELAKI BARU LAHIR DITINGGALKAN TANPA PAKAIAN ATAS REBAN AYAM** | |
| | https://selangorkini.my/2023/06/bayi-lelaki-baru-lahir-ditinggalkan-tanpa-pakaian-atas-reban-ayam/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.iloveborneo.my/penemuan-bayi-baru-lahir-ditinggalkan-atas-reban-ayam-gemparkan-penduduk-lahad-datu/ | ILOVEBORNEO.MY |
| | https://berita.mediacorp.sg/dunia/bayi-lelaki-baru-lahir-ditinggalkan-atas-reban-ayam-762726 | BERITA.MEDIACORP.SG |
| | https://www.youtube.com/watch?v=UfLjMN2AKVE | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=_JvEGts5_GI | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **LESAP DUIT KWSP RM100,000 ANGKARA SCAMMER TELEFON** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1113767/lesap-duit-kwsp-rm100000-angkara-scammer-telefon | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/13/wang-kwsp-warga-emas-rm100000-lesap/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/13/warga-emas-penjawat-awam-rugi-hampir-rm200000-diperdaya-scammer/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **PEMAIN BOLA SEPAK WANITA NEGARA, INTAN SERAH KINI SAH PEMAIN NYDLFC** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/263130/berita/sukan/pemain-bola-sepak-wanita-negara-intan-serah-kini-sah-pemain-nydlfc | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-sukan/pemain-bola-sepak-wanita-negara-intan-serah-kini-sah-pemain-nydlfc-423664 | ASTROAWANI.COM |

14/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **LAWMAKERS WANT EMPOWERMENT OF CHILDRENS RIGHTS** | |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/13/lawmakers-want-empowerment-of-childrens-rights/ | HARAKAHDAILY.NET |
| | https://themerdekatimes.com/news/2023/06/akta-suruhanjaya-kanak-kanak-akan-dibentang-tidak-lama-lagi-azalina/ | THEMERDEKATIMES.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **PANTAU KOS SARA HIDUP: ISU KESUBURAN B40** | |
| | https://www.astroawani.com/videos/awani-pagi-x7ko8q/pantau-kos-sara-hidup-isu-kesuburan-b40-x8lpxit | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=G6eKhFp4OKw | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **WANITA DITAHAN DISYAKI CURI BARANG KEMAS SAUDARA SENDIRI BERNILAI RM90,000** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/wanita-ditahan-disyaki-curi-barang-kemas-saudara-sendiri-bernilai-rm90000/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/263220/berita/semasa/wanita-ditahan-curi-barangan-kemas-rm90000-milik-ahli-keluarga | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **KANAK-KANAK SEMBILAN TAHUN TERPAKSA PAKAI LAMPIN SEPANJANG MASA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/263276/video/berita-semasa-video/kanak-kanak-sembilan-tahun-terpaksa-pakai-lampin-sepanjang-masa | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=qfS_fa_KR4M | YOUTUBE |

14/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **KANAK-KANAK ANTARA TIGA MANGSA CEDERA DIHEMPAP DINDING RUMAH DALAM PEMBINAAN** | |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2197723 | BERNAMA.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/13/kanak-kanak-antara-3-mangsa-cedera-dihempap-dinding-rumah-dalam-pembinaan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **PRN: PENUHI KUOTA 30 PERATUS DEMI PASTIKAN HAK DAN SUARA WANITA TERBELA** | |
| | https://umno-online.my/2023/06/13/prn-penuhi-kuota-30-peratus-demi-pastikan-hak-dan-suara-wanita-terbela/ | UMNO-ONLINE.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/13/jentera-wanita-pkr-sudah-siap-sedia-hadapi-prn/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **BAYI DITINGGALKAN TANPA PAKAIAN DI BAWAH KOLONG RUMAH** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/977316/bayi-ditinggalkan-tanpa-pakaian-di-bawah-kolong-rumah | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/263297/berita/semasa/bayi-dibuang-di-bawah-kolong-rumah | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **'KANTOI' KAHWIN LAIN, WARGA EMAS DIDAKWA PUKUL ISTERI PERTAMA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/263218/berita/semasa/kantoi-kahwin-lain-warga-emas-didakwa-pukul-isteri-pertama | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-didakwa-pukul-isteri-pertama-selepas-rahsia-kahwin-lain-terbongkar-423783 | ASTROAWANI.COM |

14/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **WANITA WARGA EMAS DAKWA PECUT KENDERAAN TAKUT DILANGGAR** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/976995/wanita-warga-emas-dakwa-pecut-kenderaan-takut-dilanggar | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **WANITA DEDENDA RM2000 PALSU MAKLUMAT IBU KANDUNG PENDAFTARAN KELAHIRAN ANAK** | |
| | https://themerdekatimes.com/news/2023/06/wanita-didenda-rm2000-palsu-maklumat-ibu-kandung-pendaftaran-kelahiran-anak/ | THEMERDEKATIMES.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **CARI PASAL BUDAK 11 TAHUN PANDU KERETA TUNJUK LAGAK PADA KAWAN-KAWAN SEBAYA** | |
| | https://nextstepmalaysia.com/cari-pasal-budak-11-tahun-pandu-kereta-tunjuk-lagak-pada-kawan-kawan-sebaya/ | NEXTSTEPMALAYSIA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **HAWARI BAIK, SENTIASA GEMBIRAKAN RAKAN KELETIHAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/977012/hawari-baik-sentiasa-gembirakan-rakan-keletihan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **MAK CIK INI DUDUK RUMAH KAMPUNG TAPIA DA ASSET RM1.7 JUTA, SEKALI LEMBAGA ZAKAT DEDAH CERITA SEBENAR** | |
| | https://www.mhdaily.net/mak-cik-ini-duduk-rumah-kampung-tapi-ada-aset-rm1-7juta-sekali-lembaga-zakat-dedah-cerita-sebenar/ | MHDAILY.NET |

14/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **TEKUN PILIH DAN KOPEK BAWANG SEBELUM BELI, KULIT BIAR BERSEPAH! ALAHAI AUNTY, TAK BACA NOTA AMARAN KE? – "TOLONG KUTIP, MAK SIAPA LAH NI"** | |
| | https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2023/06/13/tekun-pilih-dan-kopek-bawang-sebelum-beli-kulit-biar-bersepah-alahai-aunty-tak-baca-nota-amaran-ke---tolong-kutip-mak-siapalah-ni | MSTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **DIGIGIT, DITUMBUK DAN DITENDANG DI PUSAT JAGAAN KHAS** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/06/1113750/digigit-ditumbuk-dan-ditendang-di-pusat-jagaan-khas | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **MAHKAMAH: LAWAN TETAP LAWAN – BOY IMAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/13/mahkamah-lawan-tetap-lawan-boy-iman/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **MALU KE SEKOLAH KERANA DERITA PENYAKIT KULIT RAPUH** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/263143/edisi/kelantan/malu-ke-sekolah-kerana-derita-penyakit-kulit-rapuh | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **KELAK GELAK DEMI MASA DEPAN HIJAU** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/13/kelak-gelak-demi-masa-depan-hijau/ | KOSMO.COM.MY |

14/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **CEROBOH RUMAH, REMAJA DIPERINTAH BERKELAKUAN BAIK** | |
| | https://sarawakvoice.com/ceroboh-rumah-remaja-diperintah-berkelakuan-baik/ | SARAWAKVOICE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **AHLI PARLIMEN MAHU HAK ASASI KANAK-KANAK DIPERKASA** | |
| | https://themerdekatimes.com/news/2023/06/ahli-parlimen-mahu-hak-asasi-kanak-kanak-diperkasa/ | THEMERDEKATIMES.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **JOHOR SETS 2025 TO END EXTREME POVERTY** | |
| | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/06/13/johor-sets-2025-to-end-extreme-poverty | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **SEVEN CLINICS FOR MALE FERTILITY ISSUES SET UP** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/13/seven-clinics-for-male-fertility-issues-set-up | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **SELANGOR TEEN DIES FROM HEART FAILURE IN PROBABLE EVALI CASE** | |
| | https://codeblue.galencentre.org/2023/06/13/selangor-teen-dies-from-heart-failure-in-probable-evali-case/ | CODEBLUE.GALENCENTRE.ORG |

14/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **SARAWAK WOMEN IN LABOUR FORCE STILL LACKING: AWANG TENGAH** | |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/sarawak-women-in-labour-force-still-lacking-awang-tengah/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 28 | **TANGGUH PENGAJIAN JAGA IBU TERLANTAR, ABANG SAWAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/tangguh-pengajian-jaga-ibu-terlantar-abang-sawan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 29 | **RECEIVING AN AWARD FOR SUCCESSFULLY MANAGING WORK AND PERSONAL LIFE** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=U9A6DyGV95s | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 30 | **MB: YAYASAN SELANGOR RAPATKAN JURANG PENDIDIKAN BANDAR, LUAR BANDAR** | |
| | https://selangorkini.my/2023/06/mb-yayasan-selangor-rapatkan-jurang-pendidikan-bandar-luar-bandar/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 31 | **PINK RACING RAIKAN WANITA KAKI ‘RIDE’** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/13/pink-racing-raikan-wanita-kaki-ride/ | KOSMO.COM.MY |

14/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 32 | **PERANAN WANITA DIIKTIRAF DALAM BARISAN KEPIMPINAN SARAWAK** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=E8Hv5bmtLVs | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 33 | **AMBIL TAHU MENOPAUS & PERIMENOPAUS** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/13/ambil-tahu-menopaus-perimenopaus/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 34 | **KERAJAAN MOHON GANTUNG PERINTAH BERI SIJIL KELAHIRAN KEPADA KANAK-KANAK** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/13/kerajaan-mohon-gantung-perintah-beri-sijil-kelahiran-kepada-kanak-kanak/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 35 | **TIGA TERMASUK KANAK-KANAK CEDERA KERETA MELETUP** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/tiga-termasuk-kanak-kanak-cedera-kereta-meletup/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 36 | **PAKAR KESIHATAN AWAM GESA NIKORTIN DISENARAIKAN MULA DALAM AKTA NIKOTIN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1113836/pakar-kesihatan-awam-gesa-nikortin-disenaraikan-mula-dalam-akta | BHARIAN.COM.MY |

14/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 37 | **BUKAN SEKADAR 'APLIKASI PENJAGA'** | |
| | https://www.hmetro.com.my/itmetro/2023/06/976966/bukan-sekadar-aplikasi-penjaga | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 38 | **POLIS MOHON INTERPOL DAPATKAN IDENTITI PENUH, LOKASI JOCELYN CHIA – KPN** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/13/polis-mohon-interpol-dapatkan-identiti-penuh-lokasi-jocelyn-chia-kpn/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 39 | **SELESTARI BANTU SELANGOR TERAJUI TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1114041/selestari-bantu-selangor-terajui-transformasi-pendidikan-negara | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 40 | **RANGKA PELAN BERSEPADU PUPUK SEMANGAT PELAJAR MINATI STEM** | |
| | https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/06/1113803/rangka-pelan-bersepadu-pupuk-semangat-pelajar-minati-stem | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 41 | **MASIH BINCANG GAJI GURU TABIKA** | |
| | https://sarawakvoice.com/masih-bincang-gaji-guru-tabika/ | SARAWAKVOICE.COM |

14/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 42 | QARI OKU BACA AL-QURAN HINGGA HURUF BRAILLE HILANG | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1113889/qari-oku-baca-al-quran-hingga-huruf-braille-hilang | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 43 | LAHIR DALAM KELUARGA OKU TAK HALANG DAPAT 7A SPM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/263225/edisi/selangor-kl/pelajar-oku-penglihatan-jadikan-al-quran-sebagai-pendamping | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 44 | WARGA EMAS PERTAMA KALI KUNJUNGI JUALAN MURAH AKUI BERBALOI, DAPAT BERJIMAT | |
| | https://selangorkini.my/2023/06/warga-emas-pertama-kali-kunjungi-jualan-murah-akui-berbaloi-dapat-berjimat/ | SELANGORKINI.MY |

| | |
|---|---|
| TAJUK : | 4 SEKELUARGA DI LEMBAH KLANG PERLU RM6,890 SEBULAN UNTUK HIDUP SELESA |
| HARI : | RABU |
| AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 14 JUN 2023 |
| M/SURAT : | 05 |
| TONE : | NEUTRAL |
| SEKTOR : | KPWKM |

# 4 sekeluarga di Lembah Klang perlu RM6,890 sebulan untuk hidup selesa

## Pembuat dasar boleh guna Belanjawanku sebagai penanda aras tangani kos sara hidup

**Oleh Alzahrin Alias**
zahrin@bh.com.my

### Kos hidup selesa di bandar utama



| Kategori isi rumah | Bujang (berkereta) | Berkahwin (tanpa anak) | Berkahwin (1 anak) | Berkahwin (2 anak) | Ibu/bapa tunggal (2 anak) |
|---|---|---|---|---|---|
| Lembah Klang | RM2,600 | RM4,630 | RM5,980 | RM6,890 | RM5,650 |
| Johor Bahru | RM2,290 | RM4,110 | RM5,360 | RM6,100 | RM4,940 |
| Kota Kinabalu | RM2,230 | RM4,000 | RM5,130 | RM5,840 | RM4,710 |
| Alor Setar | RM2,060 | RM3,680 | RM4,760 | RM5,430 | RM4,340 |
| Kota Bharu | RM2,110 | RM3,750 | RM4,830 | RM5,520 | RM4,400 |
| Georgetown | RM2,430 | RM4,360 | RM5,640 | RM6,370 | RM5,190 |

*Sumber: Belanjawanku 2022/2023*

**Sungai Buloh:** Pasangan suami isteri yang memiliki dua anak memerlukan antara RM5,430 hingga RM6,890 sebulan untuk hidup selesa di bandar besar.

Satu kajian mendapati kos sara hidup selesa untuk isi rumah empat orang (suami isteri dengan dua anak) di Alor Setar adalah RM5,430, manakala di Lembah Klang RM6,890.

Kajian Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC) Universiti Malaya yang diterbitkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) itu mendapati perbelanjaan diperlukan untuk hidup selesa di Alor Setar adalah paling rendah antara 12 bandar bandar besar dikaji di Malaysia.

Lembah Klang pula didapati bandar yang memerlukan perbelanjaan paling tinggi untuk empat sekeluarga hidup selesa, iaitu RM6,890 sebulan.

Hidup selesa bermaksud mempunyai wang yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas, menjalani kehidupan yang bermakna dan bermatlamat, membabitkan diri dalam aktiviti komuniti serta meluangkan masa bersama keluarga.

Buku Belanjawanku: Panduan Perbelanjaan Untuk Individu dan Keluarga di Malaysia 2022/2023 itu dilancarkan di sini, semalam.

Dapatan itu juga menunjukkan kos untuk hidup selesa bagi semua kategori isi rumah di bandar utama meningkat disebabkan kenaikan harga barang berbanding beberapa tahun lalu, selain gaji masih rendah.

Sebagai contoh kos hidup selesa untuk golongan bujang di Lembah Klang didapati meningkat RM60 kepada RM1,930 berbanding RM1,870 pada 2019, manakala pasangan suami isteri tanpa anak pula memerlukan RM4,630 untuk hidup selesa berbanding RM4,420 pada 2019, naik RM210.

Bagi pasangan suami isteri dengan dua anak pula, anggaran kos yang diperlukan untuk hidup di Lembah Klang adalah sekitar RM6,890 sebulan berbanding RM6,620 pada 2019.

Buku Belanjawanku 2022/2023 adalah panduan yang memperincikan perbelanjaan minimum mengikut kategori isi rumah (bujang, keluarga atau warga emas) dan menyediakan cadangan mengenai peruntukan perbelanjaan, perbelanjaan pilihan serta simpanan persendirian di 12 bandar utama di Malaysia.

### Alor Setar paling rendah

Berdasarkan perbandingan mengikut 12 bandar utama dikaji, Lembah Klang merekodkan kos hidup yang paling tinggi diikuti Georgetown dan Johor Bahru.

Alor Setar adalah lokasi yang memerlukan kos hidup selesa yang paling rendah bagi setiap kategori isi rumah.

Belanjawanku 2022/2023 juga memberikan indikator baharu kos hidup bagi setiap peralihan kategori isi rumah di 12 bandar utama.

Kos hidup bagi golongan bujang yang baru memulakan kerjaya dan menggunakan pengangkutan awam di Lembah Klang adalah RM1,930, namun memerlukan peningkatan kewangan 35 peratus jika memiliki kereta, dengan kos hidup bertambah kepada RM2,600.

Begitu juga bagi pasangan baru berkahwin tanpa anak, memerlukan RM4,630 sebagai kos hidup, namun jika merancang untuk memiliki anak (seorang) mereka memerlukan tambahan kewangan sebanyak 29 peratus kepada RM5,980 dan tambahan 15 peratus lagi kepada RM6,890 jika memiliki dua anak.

> Peningkatan kos hidup setiap kategori isi rumah itu menunjukkan panduan kewangan yang perlu ada sebelum membuat keputusan membabitkan perbelanjaan besar
>
> ***Norma Mansor,*** *Pengarah SWRC*



### Kos sara hidup meningkat

Pengarah SWRC, Profesor Datuk Dr Norma Mansor, berkata peningkatan kos hidup setiap kategori isi rumah itu menunjukkan panduan kewangan yang perlu ada sebelum membuat keputusan membabitkan perbelanjaan besar.

Beliau berkata, Belanjawanku 2022/2023 juga adalah persediaan awal kepada rakyat dalam merancang kewangan mereka.

Katanya, tahap celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah dan peningkatan kos sara hidup menyebabkan rakyat tidak mempunyai simpanan yang mencukupi, hutang tinggi selain ada yang menjadi muflis.

"Di sinilah Belanjawanku 2022/2023 memainkan peranan sebagai panduan untuk perancangan kewangan dan pengurusan hutang individu, di samping mengesyorkan jumlah simpanan untuk kegunaan masa depan.

"Pembuat dasar juga boleh menggunakan Belanjawanku sebagai penunjuk atau penanda aras dalam menangani isu kos sara hidup, kuasa beli dan membasmi kemiskinan," katanya.

Buku Belanjawanku boleh dimuat turun secara percuma di laman web KWSP di www.kwsp.gov.my.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BACA AL-QURAN BRAILLE SEHINGGA TULISAN 'HILANG' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 14 JUN 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan

# Baca al-Quran braille sehingga tulisan 'hilang'

**Butterworth:** Menjadi kelaziman buat qari Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan, Muhammad Qayyim Nizar Sarimi, 25, membaca al-Quran Braille hampir setiap masa sehingga tertidur.

Bekas Johan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan itu turut mendengar audio bacaan qari terkemuka dari Mesir, Allahyarham Sheikh Mustafa Ismail.

"Paling kerap saya ulang dengar ialah surah Ibrahim. Surah itu dibaca ketika kali pertama saya mendengar suara Sheikh Mustafa ketika berusia 12 tahun.

"Teknik olahan suara beliau begitu indah dan istimewa serta tidak jemu didengar," katanya selepas memperdengarkan bacaan pada Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Kebangsaan (MTHQK) di sini, semalam.

Anak sulung daripada enam beradik itu turut memberitahu sudah tiga kali menukar al-Quran Braille miliknya lantaran tulisan timbul pada naskhah itu sudah 'hilang' kerana sering dibaca.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda Tahfiz dengan Pengurusan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan itu menambah dia mempelajari taranum sejak berusia sembilan tahun.

"Pada peringkat awal, bapa mengajar saya hafazan. Biasanya saya hafal dulu, kemudian barulah baca secara bertaranum dengan beberapa guru.

"Alhamdulillah saya menguasai semua tujuh jenis taranum antaranya Nahawand, Rast, Hijaz, Bayyati dan Sikah," kata Johan Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Kelantan 2017, 2019 dan 2020 itu.

Seorang lagi peserta OKU penglihatan dari Sabah yang memperdengarkan hafazan hari ini, Muhammad Iman Izzudin Jamaludin, 22, berkata kekurangan diri bukan penghalang untuk dirinya berdamping dengan al-Quran sejak berusia empat tahun.

"Paling tidak dapat dilupakan saya menghafal al-Quran melalui pemain cakera padat (CD) di dalam kereta sepanjang perjalanan ke sekolah pendidikan khas sejauh kira-kira 60 kilometer dari rumah di Tuaran ke Putatan

Anak ketiga dari empat beradik itu berkata, ketika itu dia belum didedahkan dengan al-Quran Braille dan hanya fokus belajar mengaji melalui CD sebelum menghafal cara bacaan kitab suci itu surah demi surah.



*Qayyim Nizar dibantu ayahnya, Saimi Yusoff memperdengarkan bacaan al-Quran pada Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan di Butterworth kelmarin.* (Foto Danial Saad/BH)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PDRM MOHON BANTUAN INTERPOL KESAN JOCELYN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 14 JUN 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |



*Acryl Sani (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kerusi roda kepada Pengarah Hospital Pakar Kanak-Kanak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Ismail Sagap di Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, semalam.* (Foto BERNAMA)

## Isu pelawak hina Malaysia

# PDRM mohon bantuan INTERPOL kesan Jocelyn

**Kuala Lumpur:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan membuat permohonan kepada Polis Antarabangsa (INTERPOL) bagi mendapatkan identiti dan lokasi terkini pelawak kelahiran Singapura, Jocelyn Chia.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata pihaknya akan melakukan permohonan berkenaan esok bagi membantu siasatan berhubung klip video yang tular di media sosial.

"Selain itu, PDRM juga sudah membuat salinan transkrip ucapan suspek dalam klip video berkenaan.

"Pada 7 jun lalu, polis sudah membuat permohonan profiling kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan perkara itu masih lagi dalam tindakan SKMM," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan Program Lawatan Hospital sempena peringatan Hari Polis Ke-216 di Hospital Tuanku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani (HPKK), di sini, semalam.

### Perlekeh Malaysia

Acryl berkata, siasatan kes berkenaan dijalankan mengikut Seksyen 504/505 (c) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998.

Sebelum ini, tindakan Jocelyn yang memperlekehkan Malaysia dalam satu persembahan komedi bertajuk 'Singapore vs Malaysia' di New York, Amerika Syarikat baru-baru ini, mendapat kecaman hebat daripada pelbagai pihak termasuk Malaysia dan Singapura.

Menerusi klip video yang dimuat naik pada akaun TikTok, Jocelyn turut secara sengaja menghina seorang penonton persembahannya yang mengaku sebagai rakyat Malaysia dengan perkataan kesat.

Susulan itu, TikTok sudah mengeluarkan video tular berkenaan yang turut mengandungi kenyataan menghina Malaysia dan tragedi MH370, kerana mengandungi ucapan berunsur kebencian.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PESAKIT DIABETES RAYU BANTUAN RM17,585 PASANG KAKI PALSU | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 14 JUN 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pesakit diabetes rayu bantuan RM17,585 pasang kaki palsu



*Mohd Zulyadain dibantu Mohd Hanif dalam urusan sehariannya.*

## Bekas penyelia kilang hilang pendapatan selepas diberhentikan kerja

Oleh Siti Nur Ain Mat Ripar
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seorang pesakit diabetes kronik memerlukan bantuan RM17,585 bagi membolehkannya menampung kos pemasangan kaki palsu selepas kaki kanannya dipotong akibat komplikasi diabetes.

Mohd Zulyadain Mohamad Radzi, 39, berkata kaki kanan beliau terpaksa dipotong pada Jun tahun lalu di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang untuk mengelakkan risiko lebih besar yang boleh mengancam nyawanya.

"Kaki terpaksa dipotong sehingga paras pangkal paha selepas doktor sahkan saya menghidap penyakit kencing manis kronik pada hujung 2021.

"Sejak itu, saya diberhentikan kerja atas faktor masalah kesihatan dan kini saya tidak mempunyai sumber pendapatan.

"Malah, wang simpanan juga sudah habis digunakan sepenuhnya sepanjang saya terlantar sakit," katanya dalam temu bual secara dalam talian, semalam.

Mengulas lanjut, Zulyadain yang juga anak keempat daripada tujuh adik beradik turut diuji dengan masalah kesihatan lain seperti penyakit buah pinggang dan tekanan darah tinggi meluahkan rasa terharu kerana rakan baiknya, Mohd Hanif Othman sudi menjaga dan menguruskan semua keperluannya di rumah sewa mereka di Permatang Pauh, Pulau Pinang.

"Saya juga yatim piatu dan tak mahu bergantung kepada adik-beradik yang lain kerana mereka juga ada kesempitan masing-masing, malah adik saya juga Orang Kelainan Upaya (OKU)," katanya.

### Tak mampu bayar sewa

Bekas penyelia kilang itu berharap dengan adanya kaki palsu, beliau dapat berjalan seperti biasa, walaupun tidak sempurna supaya beliau dapat berdikari dan melakukan kerja.

"Saya tidak mempunyai sumber pendapatan langsung sekarang dan saya juga tak mampu nak bayar rumah sewa.

"Saya kena usaha sikit dan Insya-Allah kalau boleh berjalan, saya berhasrat untuk menjalankan perniagaan kecil-kecilan.

"Saya juga berharap ada pihak yang boleh membantu dan menderma sedikit sebanyak untuk kelangsungan hidup saya sebelum saya dapat berdikari sendiri," katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan dalam bentuk cek dengan menulis nama pesakit di belakang cek kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP dan sumbangan kepada tabung berkenaan layak mendapat pelepasan cukai.

Sumbangan boleh dialamatkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Tingkat Empat, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun Bank Muamalat bernombor 14010008842718 atau Maybank bernombor 514105323170 dan nyatakan nama pesakit pada bahagian rujukan penerima atau butiran pembayaran lain.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'BANTULAH SAYA BELI KALI PALSU' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14 JUN 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Bantulah saya beli kaki palsu'

*Lelaki kudung akibat kencing manis kronik mahu berdikari dan berniaga demi kelangsungan hidup*

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Walaupun kaki kanannya kudung akibat kencing manis kronik, Mohd Zulyadain Mohamad Radzi tetap mengimpikan berdikari dan berniaga kecil-kecilan demi kelangsungan hidupnya.

Justeru, Mohd Zulyadain, 39, yang kini dalam fasa pemulihan sangat memerlukan kaki palsu untuk memudahkan berjalan dan menjalani aktiviti harian seperti sebelum ini.

Menurutnya, dia kini boleh bangun dan duduk di kerusi roda namun untuk aktiviti harian masih memerlukan bantuan rakan, Mohd Hanif Othman, 34, yang sudi menjaganya di rumah sewa mereka di Permatang Pauh, Pulau Pinang.

"Saya dimaklumkan keadaan penyakit ini berisiko mengancam nyawa jadi kaki kanan dipotong pada 3 Jun tahun lalu di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang.

"Sejak itu saya yang juga yatim piatu dijaga Mohd Hanif sambil adik-beradik lain cuma memberi perhatian. Mereka ada kesempitan masing-masing, malah adik saya juga orang kurang upaya (OKU)," katanya dalam temu bual maya di sini, semalam.

> *Saya dimaklumkan penyakit ini berisiko mengancam nyawa jadi kaki kanan dipotong pada 3 Jun tahun lalu di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang"*
>
> **Mohd Zulyadain**

Mohd Zulyadain memerlukan kaki palsu berharga RM17,585 dan kini dia diuji lagi apabila doktor memberitahu buah pinggangnya bermasalah selain tekanan darah tinggi.

Katanya, sebelum ini dia bekerja sebagai penyelia kilang dan diberhentikan kerja atas faktor kesihatan menyebabkan hilang punca pendapatan, malah wang simpanan juga habis digunakan sepanjang dia terlantar.

"Saya berharap dapat kaki palsu untuk berjalan walaupun tidak sesempurna sebelum ini dan berharap ada pihak sudi membantu.

"Saya mahu berdikari dan berniaga kecil-kecilan kerana tiada sumber pendapatan," katanya yang didiagnosis sebagai pesakit kencing manis pada Disember 2021.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan dalam bentuk cek dengan menulis nama pesakit di belakang cek kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP dan sumbangan kepada tabung berkenaan layak mendapat pelepasan cukai.

Sumbangan boleh dialamatkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad di tingkat empat Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun Bank Muamalat bernombor 14010008842718 atau Maybank, 514105323170 dan nyatakan nama pesakit pada bahagian rujukan penerima atau butiran pembayaran lain.



MOHD Hanif membantu mengurus Mohd Zulyadain.

MOHD Zulyadain (kiri) bersama Mohd Hanif melihat barang bantuan yang diterima ketika ditemui di rumah sewa mereka. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAYI BARU LAHIR ATAS REBAN AYAM | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



PEGAWAI penyiasat menjalankan pemeriksaan di lokasi bayi ditemui di atas reban ayam di Kampung Jawa, kelmarin.

# Bayi baru lahir atas reban ayam

**Lahad Datu:** Seorang bayi lelaki yang baharu dilahirkan ditemukan di atas reban ayam di Kampung Jawa di sini, kelmarin.

Difahamkan, seorang lelaki berusia 51 tahun menemui bayi berkenaan ketika melihat reban ayam miliknya, kira-kira jam 6.30 pagi.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu Asisten Komisioner Dr Rohan Shah Ahmad berkata, sepasukan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu digerakkan ke lokasi bagi menjalankan siasatan lanjut sebaik menerima maklumat.

"Bayi itu dipercayai baru dilahirkan dan ditinggalkan tanpa pakaian di atas reban ayam milik seorang penduduk kampung berkenaan.

"Bayi seberat tiga kilogram kemudian dibawa ke Hospital Lahad Datu bagi mendapatkan rawatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan media di sini.

*Bayi itu dipercayai baru dilahirkan dan ditinggalkan tanpa pakaian di atas reban ayam milik seorang penduduk kampung berkenaan"*

***Rohan***

Menurutnya, polis sedang mengesan suspek dan orang ramai yang mempunyai maklumat diminta menghubungi Pegawai Penyiasat Inspektor Sophia Thomas Kasau di talian 013-9392505 atau 089-881255.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUAT SOLAT ISTIKHARAH DULU | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14 JUN 2023 | M/SURAT : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

Oleh Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

# Buat solat istikharah dulu

## *Pelajar 11A SPM jaga ibu sakit dapat 10 tawaran lanjut pelajaran termasuk biasiswa*

**Bachok**

Pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 11A yang tular menjaga ibu sakit, Muhammad Syahril Saidi menerima lebih 10 tawaran untuk melanjutkan pelajaran termasuk biasiswa.

Syahril, 18, berkata dia perlu melakukan solat istikharah dan berbincang dengan ahli keluarga sebelum membuat sebarang keputusan.

Menurutnya, setakat ini dia mahu meneruskan pengajian di Maahad Yaakubiah Kampung Nipah di sini untuk menduduki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) bagi mencapai cita-cita menjadi pensyarah.

"Saya akan buat perancangan, langkah demi langkah untuk pilih mana yang terbaik. Tawaran memang banyak daripada pelbagai agensi, saya ucapkan seribu penghargaan dan terima kasih kepada semua yang bagi tawaran biasiswa.

"Doakan saya dan keluarga, semoga kita semua berjaya dunia akhirat dan jadi pemimpin Islam yang benar-benar membawa kebenaran," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Kandis di sini, semalam.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Ugama (A) Darul Iman, Beris Lalang itu berkata, tidak sepatutnya dia seorang sahaja diraikan, sebaliknya individu di sekeliling yang banyak membantunya seperti abang, kakak, ibu bapa saudara dan guru-gurunya yang mengetahui kesusahan hidupnya sebelum ini.



MUHAMMAD Syahril dikunjungi oleh guru sekolahnya, Shafie Sidik (dua dari kiri) ketika ditemui di rumahnya di Kampung Kandis, Bachok.

Menurutnya, mereka adalah insan di sebalik tabir yang mendorong kejayaannya terutama arwah ibunya, Tuan Faridah Tuan Ismail, 53, yang baru meninggal dunia, Sabtu lalu.

"Banyak yang arwah umi pesan pada saya, tapi biarlah jadi simpanan peribadi saya," katanya yang turut menerima tawaran biasiswa daripada Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan beberapa bank.

Sementara itu, bapa saudara Syahril, Rosmazuki Mat Jusoh, 45, berkata dia mengagumi kecekalan hati anak-anak saudaranya yang menjaga ibu mereka selepas kematian bapa mereka, Saidi Mat Jusoh sejak 11 tahun lalu.

Katanya, arwah ibu bapa mereka sering mengajar anaknya supaya tidak menyusahkan orang lain.

"Saya juga ingin berterima kasih kepada seorang Cikgu Shafie Sidik, antara individu paling banyak membantu mereka, tak ada budi yang kami dapat balas," katanya.

Akhlak baik Syahril, abang serta kakak-kakaknya turut mengundang simpati orang ramai sehingga ada mahu mengambil mereka sebagai anak angkat selain sering membawa makanan, keperluan harian dan membantu keluarga ini selepas ibu mereka diserang penyakit angin ahmar pada 2019.

Kesusahan dan pengorbanan remaja ini terbongkar selepas dia berjaya menjadi pelajar tunggal sekolahnya mendapat 11A dalam SPM 2022 yang diumumkan Khamis lalu.

Bagaimanapun, ibunya yang sakit meninggal dunia pada Sabtu lalu dan solat jenazah diimamkan Syahril.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di sebelah kubur suaminya di Tanah Perkuburan Islam Kampung Padang Lati di sini.



MUHAMMAD Syahril menunjukkan keputusan SPM miliknya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KESAN WANITA HILANG SEJAK OKTOBER | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14 JUN 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kesan wanita hilang sejak Oktober



**Ipoh:** Polis meminta bantuan orang ramai untuk mengesan seorang wanita yang dilaporkan hilang sejak Oktober lepas di Taman Mas dekat Chemor di sini.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Yahaya Hassan, berkata laporan kehilangan wanita kurus berkulit cerah itu, Yusshakina Mohd Zulkepeli ***(gambar)***, 34, dibuat oleh ibunya pada 21 Okt lalu di Balai Polis Kampung Tawas, dekat sini.

"Wanita itu tidak tinggal bersama ibunya dan menetap sendiri dan hanya pulang ke rumahnya sekali-sekala jika ada sebarang perayaan atau keperluan.

"Kali terakhir ibunya dapat menghubunginya adalah melalui panggilan telefon pada 5 Dis lepas," katanya.

Justeru, orang ramai yang menjumpai atau mempunyai maklumat mengenai individu tersebut boleh menghubungi pegawai penyiasat kes, Sarjan Mejar Cheam Aik Theng di talian 019-5580986.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MINTA INTERPOL JEJAK JOCELYN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14 JUN 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Minta Interpol jejak Jocelyn

## *PDRM mahu identiti, lokasi terkini pelawak kontroversi Singapura untuk bantu siasatan*

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuat permohonan kepada Polis Antarabangsa (Interpol) bagi mendapatkan identiti dan lokasi terkini pelawak kontroversi kelahiran Singapura, Jocelyn Chia.

Ketua Polis Negara Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, pihaknya akan melakukan permohonan itu hari ini bagi membantu siasatan berhubung klip video yang tular di media sosial.

"Selain itu, PDRM juga membuat salinan transkrip ucapan suspek dalam klip video berkenaan.

"Pada 7 Jun lalu, polis membuat permohonan profiling kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan perkara itu masih dalam tindakan SKMM," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan Program Lawatan Hospital sempena peringatan Hari Polis ke-216 di Hospital Tuanku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani (HPKK) di sini, semalam.

> "PDRM juga membuat salinan transkrip ucapan suspek dalam klip video"
> Acryl Sani

Acryl berkata, siasatan kes berkenaan dijalankan mengikut Seksyen 504 dan 505 (c) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998.

Sebelum ini, tindakan Jocelyn yang memperlekehkan Malaysia dalam satu persembahan komedi bertajuk *Singapore vs Malaysia* di New York, Amerika Syarikat mendapat kecaman hebat daripada pelbagai pihak termasuk Malaysia dan Singapura.

Menerusi klip video yang dimuat naik menerusi akaun TikTok, pelawak itu turut secara sengaja menghina seorang penonton persembahannya yang mengaku sebagai rakyat Malaysia dengan perkataan kesat.

Susulan itu, TikTok mengeluarkan video tular yang mengandungi kenyataan menghina Malaysia dan tragedi MH370 kerana mengandungi ucapan berunsur kebencian.



ACRYL Sani (dua, kiri) menyampaikan sumbangan kerusi roda kepada Pengarah Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani (HPKK), Prof Datuk Dr Ismail Sagap pada Program Lawatan Hospital sempena peringatan Hari Polis ke-216.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | REDA TERIMA KETENTUAN TAKDIR | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 14 JUN 2023 | M/SURAT | : | 02 |
